


# BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	5 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	B8, B9	RUANGAN	EKONOMI



## Tabung Haji angkat imej Organisasi Islam

» Bakal mencecah usia 50 tahun bukan saja cemerlang mengurus jemaah haji malah prestasi pelaburan cukup mengagumkan

Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan TH

TARIKH	5 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	B8, B9	RUANGAN	EKONOMI

Oleh Che Wan Badrul Alias  
chewan@bharian.com.my

**T**ahun depan genap 50 tahun penuh Lembaga Tabung Haji (TH). Kini organisasi pelaburan dan pengurusan Haji terbesar itu cukup gah dan tersohor di seluruh dunia.

TH bukan hanya dikenali dengan kecermerlangan pengurusan hajinya setiap tahun tetapi juga prestasi pelaburannya yang mengagumkan dengan pemilikan aset hartanah bernilai tinggi, bank dan perladangan di dalam dan luar negara. Sememangnya banyak negara luar berhasrat menjelaki kejayaan pengurusan TH namun ia bukanlah mudah kerana organisasi Islam itu sendiri memerlukan masa yang lama untuk merumus formula kejayaan yang berkesan.

### Bawa bendera orginasasi

"Tabung Haji membawa bendera organisasi Islam yang berjaya, kerana itu kita kena keluar negara untuk tunjuk kepada orang luar yang kita orang Islam boleh mendadik, mengurus dengan baik dan buat keuntungan," kata Datuk Ismee Ismail dalam satu temubual dengan BH di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sepanjang temubual berlangsung, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Eksekutif yang mempunyai perwatakan mesra, berfikiran jauh dan mudah didekati itu sentiasa menceriakan suasana dengan bait dialog daripada karya filem seniman agung, Tan Sri P Ramlee.

Sungguhpun individu berprofil tinggi ini sering dikaitkan dengan kejayaan mengembangkan operasi TH hingga ke tahap ini, beliau dengan penuh merendah diri menegaskan kejayaan TH pada hari ini adalah hasil tuaian daripada benih yang disemai pengurusan dan kakitangan TH sejak seawal penubuhannya pada era pemerintahan Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Tambah beliau, walaupun mempunyai pengurusan yang baik dan cekap, TH tidak mungkin berada di kedudukan itu tanpa sokongan kuat daripada kerajaan yang menekankan dasar untuk menjaga kebijakan pendeposit dan jemaah haji.

### Teruskan kesinambungan

"Kini TH sudah memasuki generasi kedua dan apa yang kami lakukan adalah meruskan usaha generasi terdahulu dengan memperluaskan lagi empayar perniagaan TH di Malaysia atau di luar negara.

"Baru-baru ini ada dua wakil negara Islam yang bertemu kami untuk mencontohi pengurusan TH namun tanpa sokon-

gan kerajaan maka sukar untuk mereka berjaya kerana TH tidak ditubuhkan atas akta syarikat tetapi menerusi Akta Tabung Haji 1995.

"Kerana itu jika mereka cuba mencontohi TH dengan mencantumkan ejen pelancongan dengan institusi kewangan, mereka mungkin boleh berjaya tapi tidak akan menjadi institusi yang mempunyai faktor gah," katanya.

Ketika menceritakan detik awal pembabitan beliau di TH, Ismee berkata, beliau sebenarnya mempunyai dua era dalam TH yang mana kali pertama menyertai TH adalah pada 2001 dengan menyandang jawatan sebagai Ketua Pegawai Kewangan TH selama dua tahun.

Katanya, selepas itu beliau kembali ke sektor swasta sebelum dipanggil kembali ke TH untuk memegang amanah sebagai Ketua Eksekutif pada 2006 menggantikan Datuk Mohd Bakke Salleh yang berpindah ke Felda ketika itu.

"Apabila kembali ke TH, sedikit sebanyak saya sudah memahami selok belok TH, bahkan ramai pegawai yang saya kenali dan mereka juga kenali saya, itu

memudahkan saya menyesuaikan diri sebagai Ketua Eksekutif TH.

"Jadi saya masuk kembali dengan pengharapan dan wawasan, maka ketika itu saya panggil semua ketua jabatan untuk ketahui perkembangan terkini perkara yang dirancang ketika saya menjawat jawatan Ketua Pegawai Kewangan dulu.

"Masa mula saya masuk TH pada awal Januari 2006, jumlah dana pendeposit adalah sebanyak RM13.3 bilion dan kini hingga tahun lalu ia berkembang kepada RM33.4 bilion dengan jumlah pendeposit seramai 7.7 juta orang, ini sedikit sebanyak menunjukkan keyakinan pendeposit kepada pengurusan TH," katanya.

Menguruskan dana sebesar itu bukannya sesuatu yang mudah lebih-lebih lagi dengan menggalas kepercayaan negara dan amanah pendeposit yang terdiri daripada jemaah haji.

### Kepimpinan dinamik

Justeru, Ismee berkata beliau mengamalkan formula pengurusan organisasi atau perniagaan yang paling asas iaitu kepimpinan dinamik.

Katanya, beliau perlu sentiasa dinamik bagi menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan ketika memimpin anggota TH.

"Saya tidak boleh mengekalkan kepimpinan saya hari ini pada masa depan,

kerana pasaran, persekitaran perniagaan dan bahkan anggota pegawai TH sendiri pun sentiasa berubah.

"Yang kekal adalah niat bekerja iaitu kerja dengan ikhlas kerana kepentingan Tabung Haji, ini sangat mustahak untuk menjaga kepentingan pendeposit kita," katanya.

Beliau menambah, satu lagi rumusan penting yang perlu diberi penekanan adalah memastikan infrastruktur pengurusan dan pelaburan yang baik untuk operasi TH.

Katanya, TH dikenali dengan memiliki faktor gah hasil daripada gandingan mantap pengurusan haji dan pengurusan tabungan yang cemerlang.

"Haji adalah aktiviti teras yang menjadikan objektif penubuhan TH, namun kami juga perlu memastikan tabungan pendeposit diuruskan dengan baik supaya jemaah haji mempunyai dana yang mencukupi untuk menuaikan haji.

### Terus menabung

"Bahkan kini kita melihat pendeposit TH tidak menutup akaun mereka walaupun selepas menuaikan haji dan terus menabung dengan kami, ini menunjukkan TH kini sudah melampaui objektif penubuhan asal TH.

"Justeru, untuk masa depan kami perlu kukuhkan dan memperkemaskan lagi kedua-dua teras supaya ia terus mantap di bawah bendera TH," katanya.

Ketika ditanya cabaran terbesar yang pernah dihadapi TH, dengan singkat beliau menjawab, cabaran berdepan masalah memperbaiki perhubungan dengan manusia sama ada pekerja TH atau masyarakat luar.

Katanya, TH adalah organisasi berteraskan perkhidmatan maka sebarang komen atau kritikan negatif terhadap TH akan memberikan kesan yang sangat mendalam kepada beliau serta anggota TH.

"Bila saya terima aduan atau kritikan berhubung perkhidmatan TH kami akan rasa kecewa kerana saya tahu anggota TH sentiasa usahakan yang terbaik untuk pendeposit kita."

"Namun saya lihat teguran itu sebagai satu hadiah dan peluang untuk TH memperbaiki perkhidmatan yang ditawarkan kepada pendeposit kami," katanya.

Sebelum mengakhiri temubual, beliau sempat berkongsi harapan beliau kepada TH dengan berkata; "Saya lihat TH adalah satu organisasi Islam yang kukuh dan dikenali dunia bukan saja negara Arab tetapi juga negara Eropah dan mereka mengenali TH sebagai organisasi milik rakyat Malaysia dan milik umat Islam."

# BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	5 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	B8, B9	RUANGAN	EKONOMI

◎ 2006  
dana pendeposit  
sebanyak RM13.3 billion

◎ 7.7 JUTA  
pendeposit  
Tabung Haji

◎ 11 PERATUS  
peruntukan dana  
hartanah daripada  
keseluruhan dana  
RM34 billion pada 2011

◎ 50 TAHUN  
usia Tabung Haji  
pada tahun 2013




“

**Tabung Haji membawa bendera organisasi Islam yang berjaya, kerana itu kita kena keluar negara untuk tunjuk kepada orang luar yang kita orang Islam boleh mentadbir, mengurus dengan baik dan buat keuntungan”**

*Ismee Ismail,  
Pengarah Urusan  
Kumpulan dan  
Ketua Eksekutif*



Tabung Haji terus melakukon pencapaian terbaik dalam pengurusan hal ehwal jemaah di Tanah Suci Makkah.



Pegawai Tabung Haji memantau jemaah di Makkah.

TARIKH	5 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	B9	RUANGAN	EKONOMI

## Mahu gah sebagai 'Land Lord' di KL

Lembaga Tabung Haji (TH) berhasrat untuk menjadi 'Land Lord' di Kuala Lumpur menerusi langkah menggiatkan pengambilalihan bangunan mercu tanda di lokasi strategik sekitar pusat bandar raya.

Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif, Datuk Ismee Ismail, berkata bagi tujuan itu beliau merancang meningkatkan peruntukan bagi jumlah pelaburan sektor hartanahnya kepada 15 peratus daripada keseluruhan dana miliknya dalam tempoh tiga hingga lima tahun lagi.

### Aset hartanah

Katanya, ketika ini peruntukan dana bagi aset hartanah adalah sekitar 11 peratus daripada keseluruhan dana kumpulan sebanyak RM34 bilion pada 2011.

"Maka kita sentiasa mengkaji kalau ada bangunan yang baik untuk kita ambil alih. Pasukan saya akan terus memantau mana-mana peluang baik di sekitar Kuala Lumpur.

"Setakat ini bagi hartanah domestik kami hanya meninjau kawasan di Kuala Lumpur dan bandar utama seperti Johor Bahru.

"Saya berpendapat TH perlu ada gahnya kerana itu TH perlu memiliki bangunan mercu tanda di lokasi utama KL supaya dunia boleh nampak di

mana bangunan milik TH," katanya. kepada BH di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, cabang hartanahnya TH Properties Sdn Bhd juga sedang giat menjalankan kajian untuk membangunkan lebih banyak pembangunan jangka pendek dilokasi berpotensi tinggi.

### Lembaga Tabung Haji

- ◎ 50 tahun - usia pada 2013
- ◎ RM33.4 bilion - dana pendeposit
- ◎ 7.7 juta - pendeposit
- ◎ 15 peratus - sasaran pelaburan dalam hartanah

### Jana pulangan pelaburan

Katanya, pembangunan jangka pendek atau lebih dikenali 'Poket Development' penting bagi menjana pulangan pelaburan yang lebih cepat antara tempoh tiga hingga lima tahun berbanding pembangunan jangka panjang.

"Kawasan besar untuk pembangunan perbandaran yang kami miliki setakat ini hanya di Bandar Enstek namun anak syarikat kami sedang giat mengkaji pembangunan jangka pendek di Kuala Lumpur.

"Antara yang dikaji adalah pembangunan semula kompleks haji di Kelana Jaya selepas kompleks Haji Sepang siap sepenuhnya nanti," katanya.

Mengulas perancangan TH kepada saham Felda Global Ventures Holding (FGVH) yang dimilikinya, Ismee berkata, beliau melihat saham itu sebagai stok dividen yang berupaya menjana pulangan pelaburan jangka panjang secara konsisten dan berulang.

Katanya, walaupun harga saham itu meningkat tinggi baru-baru ini, TH merancang hanya menjual sebahagian daripada saham yang dimilikinya itu dan menyimpan selebihnya bagi meraih pendapatan dividen.

### INFO